AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Laporan Ketua Audit Negara 2021

# 'Tindakan tegas pihak bekal mesin ventilator rosak'

## Ahli Parlimen Bandar Kuching mahu kerajaan segera siasat

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu menyiasat dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab membekalkan mesin ventilator rosak kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika tempoh pandemik COVID-19 antara 2020 dan 2022.

Ia susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) kelmarin yang mendedahkan 93 daripada 136 atau 68 peratus mesin ventilator yang dibekalkan kepada KKM pada tempoh pandemik, tidak boleh digunakan.

Ahli Parlimen Bandar Kuching, Kelvin Yii, berkata tindakan mesti diambil kerana peralatan menyelamatkan nyawa sedemikian sangat penting ketika pandemik COVID-19.



Kelvin Yii

"Kecuaian sedemikian bukan sahaja menyebabkan pembaziran dana awam, tetapi yang lebih penting mungkin menjejaskan penjagaan berkualiti pesakit yang mungkin menyebabkan kehilangan nyawa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Yii berkata, berkata walaupun ventilator itu diperoleh ketika darurat, kekurangan dokumentasi perolehan mengenainya masih perlu disiasat.

Katanya, dokumentasi akan memberikan perlindungan undang-undang yang lebih baik kepada KKM dan akan menetapkan liabiliti pihak yang terbabit.

"Pihak terbabit kena jawab dan bertanggungjawab. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan atau dibiar begitu sahaja," katanya.

Siri kedua LKAN 2021 turut menyatakan kerajaan mengalami kerugian lebih RM13 juta selepas 108 daripada 136 mesin ventilator baharu yang ditempah pada 2020 tidak dapat digunakan KKM.

Menurut LKAN, Kabinet pada 25 Mac 2020 bersetuju memperuntukkan RM20.1 juta bagi pembelian ventilator di bawah dana darurat. Menjelang 1 September 2020, kosnya meningkat kepada RM24.07 juta.



*LKAN dedahkan 93 daripada 136 mesin ventilator dibekalkan kepada KKM pada tempoh pandemik tidak boleh digunakan.* (Foto hiasan)

### Kurang dokumentasi

Daripada 108 unit yang rosak, hanya 15 boleh dikembalikan kepada pengilang, manakala pampasan berjumlah RM13.07 juta untuk 93 unit yang lain tidak dapat dituntut kerana kekurangan dokumentasi perolehan.

Yii berkata, berdasarkan LKAN, syarikat Pharmaniaga Logistics dipilih untuk membeli 500 ventilator ketika krisis pandemik COVID-19.

"Bagaimanapun, syarikat itu hanya berjaya membekalkan 136 ventilator dan daripada itu, hanya 28 yang boleh digunakan dan baki 108 ventilator tidak selamat untuk digunakan.

"Kami tidak boleh lupa, terutama ketika pandemik sedang memuncak, banyak hospital di seluruh negara bergelut untuk memastikan pesakit terus hidup di tengah-tengah kekurangan kakitangan, bekalan oksigen dan ubat-ubatan.

"Wad penuh, manakala peralatan seperti ventilator dan tabung oksigen tidak mencukupi," katanya.

Sehubungan itu, Yii menegaskan semua pihak terbabit perlu bertanggungjawab dan tidak boleh dipandang ringan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NATION



# Free housebound vax jabs

## Group collaboration aims to improve access to Covid-19 shots

**KUALA LUMPUR:** The National Cancer Society Malaysia (NCSM) and DoctorOnCall are teaming up to combat Covid-19 by providing free vaccinations to those who are housebound.

NCSM and DoctorOnCall have been working together since December 2020 to improve the accessibility of medical services for cancer patients.

The two organisations have collaborated on various initiatives, including the "Think Pink" campaign during Breast Cancer Month 2021, "Together We Rise" in 2022, "Brovember" during Movember Month 2022 and more recently, World Cancer Day 2023.

Taking this long-standing relationship further, both organisations have decided to continue the fight against Covid-19.

"With the Covid-19 infections still being reported daily, the need for safe and effective vaccination is more important than ever without putting a financial burden on those who need it most," said NCSM and DoctorOnCall in a joint statement yesterday.

In brief, NCSM is offering free Covid-19 vaccinations and booster shots at its office at 66, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur, where individuals over the age of 12 may choose a time for an appointment from Mondays to Fridays (9am to 3pm) or Saturdays (9am to 12.30pm).

For those who can gather at least 30 people at a single location, the vaccination team can also consider on-site group or community vaccination.

Finally, the service is also extended to those who are severely ill or bed-bound, as well as their caregivers and household members.

"During the peak of Covid-19, NCSM launched our own vaccination outreach programme to ensure that no one was left behind, and we have not stopped.

"Today, we continue to offer Covid-19 vaccine booster shots at our clinic as well as on-site requests from corporate institutions.

"Through this collaboration with DoctorOnCall, we hope to reach out to more individuals by making our healthcare services more accessible," said Dr Murallitharan Munisamy, managing director of NCSM.

Chiak Tang, the chief operating officer of DoctorOnCall, noted that the project with NCSM was a clear example of how two groups could work together for the public's good.

"Digital health is revolutionising the healthcare industry by providing more accessible, reliable and personalised healthcare services, allowing patients, especially those in need, to access the care they want anytime, anywhere," he said in the same statement.

For more information, visit www.doctoroncall.com.my/find-doctor/covid-19-vaccine-booster-shots or call NCSM at 014-762 0739 or email care-outreach@cancer.org.my.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

# KKM bakal adakan sesi *townhall* bersama Hartal Doktor Kontrak




Tangkap layar ciapan Dr Zaliha di Twitternya pada Jumaat.

**SHAH ALAM -** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengadakan sesi perbincangan *townhall* bersama Hartal Doktor Kontrak di bangunan kementerian itu pada 22 Februari 2023 (Rabu).

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, sesi perbincangan itu dijangka berlangsung selama dua jam iaitu bermula dari jam 4 hingga 6 petang.

"Perancangan telah dilakukan, insya-ALLAH akan diadakan satu sesi *townhall* bersama Hartal Doktor Kontrak.

"Mereka yang terlibat boleh membuat pendaftaran. Untuk sesi bersama perjawatan sektor kesihatan yang lain, sedang diperinci dalam tempoh terdekat," jelasnya menerusi laman Twitter pada Jumaat.



DR ZALIHA

Pengumuman itu dibuat selepas permintaan berulang kali daripada kumpulan Hartal Doktor Kontrak dan pergerakan penjagaan kesihatan lain untuk bertemu dengannya bagi mendengar keluhan pekerja penjagaan kesihatan.

Mereka terkilan dengan masalah yang menyelubungi sistem penjagaan kesihatan khususnya sistem kontrak dan tenaga kerja.

Bagaimanapun, media melaporkan Dr Zaliha menasihatkan pekerja dalam sektor kesihatan awam supaya tidak terlibat dalam sebarang mogok tanpa pemberitahuan kerana ia tidak menyelesaikan masalah.

Sementara itu, Hartal Doktor Kontrak dalam satu kenyataan menerusi Twitter memberitahu, pihaknya tidak terlibat dengan sebarang mogok tidak terancang seperti yang telah diperkatakan oleh Dr Zaliha.

"Kami percaya mogok yang dirancang rapi adalah jalan terakhir.

"Kesihatan dan keselamatan pesakit tetap jadi keutamaan kami," tegasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Menteri Kesihatan jumpa doktor kontrak Rabu ini

**PETALING JAYA:** Gerakan Hartal Doktor Kontrak berharap sesi Townhall Bersama Menteri Kesihatan Rabu ini dapat menyelesaikan beberapa isu yang membelenggu mereka selama ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak berkata, pihaknya berharap pertemuan antara Menteri Kesihatan dan kumpulan doktor kontrak itu dapat meluahkan segala permasalahan berkaitan.

"Pihak kami baharu sahaja dihubungi pegawai pejabat Menteri yang memaklumkan pertemuan ini. Kami mengalu-alukan hasrat Dr. Zaliha untuk bertemu dengan kami dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, Dr. Zaliha menerusi akaun Twitter memaklumkan Kementerian Kesihatan akan mengadakan sesi townhall bersama doktor kontrak di kementerian itu di Putrajaya pada 22 Februari ini.

Kumpulan doktor kontrak sebelum ini memberitahu, pihaknya mahu mengadakan mogok sekiranya Menteri Kesihatan tidak bertemu dengan pihaknya dalam masa terdekat.

Doktor kontrak menghadapi risiko kontrak mereka tidak diperbaharui selepas tempoh lima tahun kerana status kontrak itu juga menyaksikan mereka tidak menikmati faedah yang sama berbanding rakan sejawatan mereka yang bertaraf jawatan tetap, termasuk peluang yang saksama untuk melanjutkan kerjaya mereka dalam pengkhususan.

Gerakan Hartal Doktor Kontrak semalam memberitahu, pihaknya tidak akan mogok sekiranya Dr. Zaliha mengadakan pertemuan sejurus dilantik sebagai Menteri Kesihatan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION / NEWS

HEALTH MINISTRY PROCUREMENT

# Call for action over faulty, unusable ventilators

**KUALA LUMPUR:** The government has been urged to take action against the parties responsible for acquiring faulty ventilators that were supplied to the Health Ministry.

This came following a revelation in the Auditor-General's Report that showed only 28 of the 136 ventilators the ministry obtained between 2020 and April last year through the emergency procurement procedure could be used.

Bandar Kuching member of parliament Dr Kelvin Yii said the matter must not be swept under the rug and those involved should be held accountable.

"If there are any elements of negligence, action should be taken and the parties involved must be held responsible as this has affected the quality of treatment, especially during the pandemic.

"Lifesaving equipment is crucial during the pandemic and negligence does not only cause waste of public funds but, most importantly, would affect the quality of patient care that could lead to loss of lives."

He said according to the report, Pharmaniaga Logistics was chosen to purchase 500 ventilators during the Covid-19 pandemic.

The company only supplied 136 ventilators, but 108 of them were deemed unsafe.

Dr Yii said the government suffered RM13.07 million in losses.

He said the situation could have had a dire impact at a time when healthcare staff were fighting to save lives.

"At the height of the Covid-19 pandemic, many hospitals were struggling to keep patients alive amid shortages of staff, oxygen supplies and medicine.

"Wards were full and equipment like ventilators and oxygen tanks were insufficient."

He said healthcare staff were forced to choose to save some patients over others, which greatly affected the quality of service.

He said the report also revealed that the government was unable to claim damages for the unusable ventilators as there was no documentation of the appointment of suppliers between the company and the Health Ministry.

"Even though that was the protocol for emergency procurement, the proper documents should have been prepared and signed as it involved millions of ringgit in public funds.

"That would have given better legal protection to the ministry and all parties involved against liabilities and instances such as this."